

(2)

Kegiatan Kongsi Gelap Di Sungai Ujong , Negeri Sembilan (1800-1900)

oleh :
Ang Saw Yee
No. Matrik :
AGE 99002

**Disertasi sebagai suatu syarat
memperolehi Ijazah Sarjana**

**Jabatan Sejarah
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Sesi 2000/2001**



001c

Abstract

This dissertation as suggested by its title, which translated become “The Chinese Secret Societies in Sungai Ujong, Negeri Sembilan (1800-1900)” is a discussion, mainly focusing on the development and activities of the Chinese secret societies in the area since it came into being until the early part of the 20th century.

There are few issues in the development of the Chinese Secret Societies that will be given emphasis on, covering from the political aspect to both the economics and social aspects. One of them is the involvement of the Chinese secret societies in the feuds between the Malay chiefs in Sungai Ujong. In this case, attention will be given to their role in the rivalries between the chiefs in the form of the financial and military aids they provided for the chiefs. Their support for the Malay chiefs they chose can be viewed as a way of securing their hole and influence in their respective.

This political issues will lead to the economic issue where their influences in certain area would be the main factor in securing their economic activities, especially in the opium trade and gambling dens in the tin mines.

This work will also discuss the role played by the Chinese secret societies in bring in the labour force from China to the Malay states ;which later on “contributes” to the growth of prostitution industry in Sungai Ujong. The brothels in Sungai Ujong were by the secret societies, just as the opium and gambling dens. The profits from these businesses were soon be used to build temples and Chinese Associations (Hui Guan).

The decline in the development and activities of the Chinese secret societies can be traced by the end of the 19th century when their activities were seen as threatening to the peace of the state . This eventually led to the decision of the colonial government against the Chinese secret societies by enacting laws and regulations to control and later abolish the secret societies. As a whole, the Chinese secret societies should not be seen as a criminal group for their “notorious” acts; they should be seen as the people who contributes to the development of the society and state since the early years of the 19th century.

Penghargaan

Sepanjang proses kajian penulisan disertasi ini, penulis telah mendapat bantuan, bimbingan , kerjasama , dan nasihat daripada pelbagai pihak. Penulis ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat. Segala jasa baik akan penulis kenangi buat selama-lamanya.

Penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Encik Sivachandralingam Sundara Raja , pensyarah di Jabatan Sejarah , Universiti Malaya yang sudi menjadi penyelia disertasi ini. Beliau telah banyak meluangkan masa dan tenaga untuk memberi bantuan kepada penulis dalam usaha menyempurnakan disertasi ini. Tidak dilupakan juga jasa baik Profesor Dr. Ramlah Adam yang menasihati saya menyertai program sarjana sartera ini.

Jasa baik semua pengajar dan kakitangan Jabatan Sejarah , Universiti Malaya , Perpustakaan Universiti Malaya , Arkib Negera Malaysia dan *Hua Zhi Resource and Research Centre Bhd.* atas bantuan dan kemudahan yang telah diberikan kepada penulis sepanjang penyelidikan ini.

Penghargaan yang setinggi-tingginya juga ingin dirakamkan kepada ibu bapa yang tersayang. Dengan adanya sokongan dan galakan mereka, penulis telah berjaya melanjutkan pelajaran dalam memperolehi Ijazah Sarjana di Universiti Malaya. Terima kasih turut diucapkan kepada teman khas dan rakan-rakan yang telah memberi bantuan dan sokongan kepada penulis.

Ang Saw Yee

Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya,
Sesi 2000/2001

Kandungan

<i>Abstract</i>	II
<i>Penghargaan</i>	IV
<i>Kandungan</i>	V
<i>Senarai Jadual dan Carta</i>	VI
<i>Senarai Peta</i>	VII
<i>Senarai Lampiran</i>	VIII
<i>Senarai Singkatan</i>	X
<i>Pengenalan</i>	XI

BAB

1	Sejarah Awal Orang Cina dan Kongsi Gelap Di Sungai Ujong	1
2	Hubungan Kongsi Gelap Dengan Politik Sungai Ujong	30
3	Kegiatan Ekonomi Kongsi Gelap	50
4	Kegiatan Sosial Kongsi Gelap	77
5	Pembanterasan Kongsi Gelap	87
	<i>Kesimpulan</i>	109
	<i>Lampiran</i>	115
	<i>Bibliografi</i>	158

<u>Senarai Jadual dan Carta</u>	<u>Halaman</u>
1. Orang Cina Di Negeri Sembilan	13
2. Bilangan Orang Cina Di Negeri Sembilan Mengikut Daerah	14
3. Nilai Import Dan Export Candu Antara Tahun 1895 Hingga 1902	58
4. Nisbah Bilangan Orang Cina Lelaki Dan Perempuan (dalam setiap 1,000)	66
5. Rumah Pelacuran Dan Pelacur Di Negeri Sembilan Pada Tahun 1914	67
6. Pengaliran Keluar-Masuk Buruh Cina Antara Tahun 1912-1914	80
7. Ketibaan Dan Peninggalan Buruh Cina Dari Pelabuhan Negeri Sembilan	80
8. Kes Jenayah Yang Berlaku Di Negeri Sembilan	89
9. Hasil Yang Dipungut (\$) Dari Mahkamah Jenayah Pada Tahun 1898	89
10. Hasil Yang Dipungut (\$) Dari Mahkamah Jenayah Pada Tahun 1899	90
11. Hasil Yang Dipungut (\$) Oleh Mahkamah Jenayah Pada Tahun 1901	90

enarai Peta

Sketch Sungai Ujong , 1870-1882

Halaman

3

Peta Sungai Ujong , 1875

4

Peta Sungai Ujong , 1888

5

<u>Senarai Lampiran</u>	<u>Halaman</u>
1 .Notis Pemberontakan	115
2.Notis Pengharaman Tian Ti Hui	116
3.Adat Penerimaan Ahli Kongsi Gelap	117
4.Surat Sumpah Kongsi Gelap	118
5.Cop-cop Yang Digunakan Oleh Kongsi Gelap	119
6. Gambar Kapitan Li Sam	120
7.Gambar Kapitan Tam Yang, Kapitan Cina terakhir di Sungai Ujong	121
8. Bangsa Pelombong Pada Tahun 1914	122
9. Pelombong Cina Di Negeri Sembilan Mengikut Daerah Pada Tahun 1900	122
10. Cara Perlombongan Timah Di Negeri Sembilan	123
11. Duti Timah (\$) Yang Dikutip Dari Sungai Ujong	123
12.Keuntungan Yang Diperolehi Oleh Kerajaan Di Sungai Ujong Dari Sektor Perlombongan Timah	124
13.Output Timah Di Negeri Sembilan	124
14.Export Timah Di Negeri Sembilan Antara Tahun 1887 Hingga 1905	125
15.Kereta Kuda Sebagai Alat Pengangkutan Yang Utama Di Sungai Ujong Pada Tahun 1874	126
16.Kuil Xian Shih Ye Di Sungai Ujong	127
17. Hai Lu Hui Guan Di Sungai Ujong	128
18.Tokong Miao Fa Gong Yang Dibina Oleh Kapitan Cina, Li Sam	129
19.Enakmen No. 16, 1901 : Pengharaman Perjudian	130
20.Enakmen No. 9, 1901 : Perlindungan Kepada Wanita	132

21. Enakmen Perlindungan Wanita	138
22. Ordinan Penumpasan Persatuan Berbahaya 1869 <i>(The Dangerous Societies Suppression Ordinance 1869)</i>	139
23. Ordinan Penggubalan Undang-undang Pengharaman Kongsi Gelap , 1884 <i>(An Ordinance to amend the Law relating to Dangerous Societies , 1884)</i>	140
24. Ordinan Penggubalan Undang-undang Pengharaman Kongsi Gelap , 1888 <i>(An Ordinance to amend the Law relating to Dangerous Societies , 1888)</i>	145
25. <i>Secretary For Chinese Affairs Enactment , 1899</i>	150
26. Enakmen XII , 1900 : Enakmen Persatuan, 1900 <i>(Enactment XII of 1900 : Societies Enactment , 1900)</i>	153

Senarai Singkatan

1. Bil. = Bilangan
2. C.O. = Colonial Office
3. FCNS = Further Correspondence Relating to the Affairs of Certain Native States in the Malay Peninsula
4. FMS = Federated Malay States
5. hlm. = halaman
6. Jil. = Jilid
7. JMBRAS = Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
8. JSAR = Journal of South East Asian Research
9. MBRAS = Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
10. No. = Nombor
11. NSSF = Negeri Sembilan Secretariat Fail
12. SGG = Selangor Government Gazette
13. SSF = Selangor Secretariat Fail

PENGENALAN

Objektif Kajian

Bersesuaian dengan tajuk tesis “ Kegiatan Kongsi Gelap Cina Di Sungai Ujong, Negeri Sembilan (1800-1900)”, persoalan utama yang akan diperinci dalam kajian ini ialah aktiviti kongsi gelap Cina di Sungai Ujong dari segi politik, ekonomi dan sosial dari abad ke-19 hingga awal abad ke-20. Peranan ketua kongsi gelap yang juga merupakan towkay lombong dikaji untuk membuktikan hubungan antara kongsi gelap dengan kegiatan politik , ekonomi dan sosial di Sungai Ujong.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan kongsi gelap Cina dalam era politik Sungai Ujong , antara tahun 1820-an hingga 1870-an. Kedua, meneliti penglibatan kongsi gelap dalam bidang ekonomi; ketiga, mengkaji penglibatan kongsi gelap dalam kegiatan sosial; keempat, meneliti tindakan British terhadap kongsi gelap Cina di Sungai Ujong. Selain itu , penulisan latihan ilmiah ini juga berobjektif untuk mengkaji sejarah Malaysia dengan menggunakan sumber-sumber Bahasa Cina yang kurang sekali digunakan.

Skop Kajian

Kajian ini ditumpukan kepada peranan kongsi gelap Cina di Sungai Ujong, Negeri Sembilan dari abad ke- 19 hingga awal abad ke-20. Jangkamasa ini dipilih sebagai skop kajian kerana dalam tempoh inilah peranan kongsi gelap Cina paling menonjol di Sungai Ujong sejajar dengan perkembangan politik dan ekonomi di Tanah Melayu. Dalam jangkamasa ini berlaku pelbagai perubahan yang mempunyai kesan ke atas perkembangan kongsi gelap di Negeri-negeri Melayu.

Kajian ini dihadkan sehingga awal abad ke-20M kerana kemerosotan kongsi gelap Cina di seluruh Tanah Melayu. Tempoh berkenaan dipilih kerana perkembangan kongsi gelap selepas itu agak berbeza dengan zaman sebelumnya. Dalam waktu yang sama sikap komuniti Cina di rantau ini juga semakin berubah setelah negara asal mereka mengalami perubahan yang drastik selepas Revolusi 1911. Pengukuhan pentadbiran British di Tanah Melayu mulai awal abad ke-20M menandakan permulaan pengawalan ke atas kegiatan kongsi gelap.

Sorotan Literatur

Dalam menyediakan disertasi ini , penulis telah merujuk kepada sumber sekunder dalam bahasa Inggeris , bahasa Melayu dan bahasa Cina. Tujuannya adalah bagi membolehkan penulis memberikan satu gambaran yang lebih jelas mengenai perkembangan kongsi gelap Cina khususnya di Sungai Ujong . Pendekatan ini digunakan semata-mata bagi mengatasi segala kelemahan kajian yang wujud terhadap kongsi gelap Cina di Sungai Ujong. Lebih-lebih lagi, kebanyakan penulisan sebelum ini adalah lebih bersifat sepintas lalu , terasing dan longgar.

Buku yang bertajuk *The Chinese In Malaya* merupakan salah sebuah buku yang dirujuk oleh penulis dalam menyediakan disertasi ini. Pengarang buku , Victor Purcell telah menerangkan sejarah awal kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu termasuklah Negeri Sembilan. Beliau banyak membincangkan sebab-sebab yang mendorong penghijrahan orang Cina ke Tanah Melayu dan Singapura tetapi maklumat seperti pengaliran keluar-masuk buruh Cina dari pelabuhan-pelabuhan Negeri Sembilan tidak diterangkan. Oleh sebab itu , penulis telah merujuk kepada rekod-rekod rasmi seperti

Banci Negeri Sembilan dan Banci Negeri-negeri Melayu untuk mengatasi kekurangan ini

Buku yang ditulis oleh L.F. Comber , *The Chinese Secret Societies* pula telah menerangkan kehadiran beberapa kumpulan kongsi gelap Cina di Sungai Ujong yang diketuai oleh puak-puak Cina yang berlainan. Kelemahan buku Comber adalah beliau kurang menerangkan kegiatan ekonomi dan sosial kongsi gelap di Sungai Ujong. Keadaan ini menyukarkan pemahaman secara mendalam mengenai aspek tersebut. Untuk menampung kekurangan ini , penulis telah merujuk kepada sumber bacaan dalam bahasa Cina.

Buku *The Impact of Chinese Secret Societies* tulisan Wilfred Blythe bertujuan mengkaji dan menganalisa kesan kemunculan kongsi gelap dalam perkembangan masyarakat Cina dari seawal-awal penglibatannya hingga awal abad ke- 20. Dalam mengkaji peranannya , perhatian diberikan semata-mata kepada aktiviti kongsi gelap di Tanah Melayu secara umum dan bukan secara khusus di Sungai Ujong . Pengabaian kepada hal-hal ini mengakibatkan satu gambaran yang menyeluruh terhadap kegiatan kongsi gelap di Sungai Ujong tidak dapat ditonjolkan.

Penglibatan kongsi gelap dalam kegiatan ekonomi dan sosial ini sebaliknya dibincangkan dengan amat terperinci dalam buku tulisan Mak Lau Fong yang bertajuk *The Sociology of Secret Societies*. Pengarang turut menyentuh aspek pemungutan wang perlindungan yang dikenakan oleh kongsi gelap Cina terhadap golongan peniaga dan ahli-ahli kumpulan kongsi gelap yang sama. Penjelasan bahagian ini penting kerana jarang dibincangkan oleh penulis-penulis barat. Namun , penulisan Mak Lau Fong sebenarnya lebih cenderung kepada kegiatan kongsi gelap Cina di Tanah Melayu secara

umum. Pada hakikatnya , kegiatan seumpama ini di Sungai Ujong kurang jelas dibincangkan secara spesifik.

Dalam kajian disertasi ini , penulis juga merujuk kepada tulisan bahasa Cina yang berbentuk artikel seperti “Hubungan Tian Ti Hui dengan Kongsi Gelap di Tanah Melayu dan Singapura” dalam **Journal of South East Asian Research**. Penulis artikel ini ialah Xu Yuen Jiao. Beliau menerangkan asal-usul dan perkembangan kongsi gelap di Tanah Melayu dan Singapura dalam artikel berkenaan. Bagaimanapun perhatian tidak diberikan kepada perkembangan sejarah awal kongsi gelap di Sungai Ujong secara kronologi.

Oleh kerana keadaan ini , maka tujuan saya adalah sebaik mungkin mengkaji aktiviti kongsi gelap di Sungai Ujong secara tahap kronologi peranan dan kesannya. Dengan cara ini , maka kegiatan kongsi gelap dapat dilihat dengan lebih sistematik menyeluruh dan lengkap.

Kepentingan Kajian

Sehingga kini, kajian khusus yang membincang sejarah perkembangan kongsi gelap di Sungai Ujong dan Negeri Sembilan secara mendalam jarang diperolehi. Malah pensejarahan Malaysia setakat ini kurang memberi perhatian kepada perubahan dan perkembangan kongsi gelap secara terperinci di sesuatu kawasan atau daerah. Kebanyakan penulisan dan penyelidikan yang dijalankan oleh sarjana barat atau tempatan lebih memberi tumpuan kepada kongsi gelap di Negeri-negeri Selat. Kajian kebanyakan penulis Barat dihalakan kepada pengaruh negatif kongsi gelap dalam bidang politik atau ekonomi. Aspek lain walaupun penting di sesuatu kawasan telah diketepikan. Walaupun penulis seperti Wilfred Blythe ¹ dan L.F. Comber ² banyak menyentuh

mengenai kongsi gelap di Negeri-negeri Melayu Bersekutu khasnya Perak dan Selangor, mereka tidak menumpukan secara mikro terhadap kongsi gelap Cina di Sungai Ujong. Kekurangan ini mendorong penulis memilih kajian tentang kegiatan kongsi gelap Cina di Sungai Ujong.

Kaedah Kajian

Terdapat banyak kaedah kajian yang boleh digunakan oleh seseorang penulis untuk menyediakan latihan ilmiahnya. Di antaranya adalah *library research* , *survey* , temuramah , *content analysis* dan *questionire* . Penulis menggunakan dua kaedah untuk menyediakan latihan ilmiah ini,. Kaedah pertama adalah menganalisis kandungan (*content analysis*) , iaitu mengkaji sesuatu peristiwa , pendapat dan kegiatan secara mendalam. Kaedah kedua pula ialah *library research* yang dibuat dengan cara meneliti sumber primer (sumber pertama) dan sumber sekunder (sumber pertama). Sumber pertama yang dirujuk oleh penulis terdiri daripada Fail Sekretariat Negeri Sembilan, Fail Sekretariat Sungai Ujong dan dokumen-dokumen kerajaan Negeri Sembilan dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sumber lain termasuk surat-menyurat kerajaan Negeri Sembilan dengan pejabat setiausaha kolonial Singapura, antara Residen Sungai Ujong, Negeri Sembilan dengan Gabenor Singapura ; Laporan Tahunan Negeri Sembilan, Laporan Tahunan Jabatan Perlombongan, Laporan Tahunan Setiausaha Hal-hal Orang Cina, Pelindung Cina, dan laporan khas dari pihak polis. Sumber Banci Penduduk pula membekalkan statistik taburan penduduk Cina, perbezaan jantina, dialek pertuturan dan jenis pekerjaan. Selain daripada itu, siri peraturan dan enakmen yang diterbitkan dalam Enakmen Negeri Sembilan dan Enakmen Negeri-negeri Melayu Bersekutu memberi

maklumat perlaksanaan peraturan yang mempengaruhi perkembangan kongsi gelap. Laporan Tahunan FMS, Fail-fail High Commissioner's Office, Straits Settlements, Original Correspondence C.O. 273 merupakan antara sumber yang dirujuk untuk mengkaji kongsi gelap Cina terawal di Tanah Melayu. Sumber Selangor Journal juga adalah satu lagi sumber tambahan yang digunakan untuk mengkaji aktiviti Kapitan Sheng Meng Li dan Yap Ah Loy. Selain daripada itu, majalah terbitan khas persatuan-persatuan Cina seperti Dewan Perhimpunan Orang Cina, Dewan Perniagaan Orang Cina dan persatuan Cina telah membekalkan maklumat kegiatan sosial komuniti Cina. Sumber-sumber kedua pula terdiri daripada bahan-bahan bercetak yang membincangkan perkembangan kongsi gelap di Sungai Ujong.

Sinopsis Bab

Keseluruhan dissertation ini akan dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama akan membincangkan kedudukan geografi dan sistem politik yang diamalkan di Negeri Sembilan dan Sungai Ujong. Asal-usul kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu, khasnya di Sungai Ujong dibincangkan. Faktor-faktor tolakan dan tarikan yang mendorong penghijrahan orang Cina dan kehidupan penghijrah Cina setelah mereka menetap di Tanah Melayu juga dikaji dalam bab ini. Penulis turut membincang kemunculan dan perkembangan kongsi gelap Cina di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Bab kedua akan membincangkan perkembangan politik Sungai Ujong khasnya hubungan kongsi gelap dengan politik Sungai Ujong dari tahun 1820-70an. Perbincangan akan difokuskan kepada penglibatan kongsi gelap Cina di kawasan

pimpinan Kapitan-kapitan Cina di Sungai Ujong, memperinci bagaimana Kapitan Cina Sungai Ujong memanipulasi kuasa pengawalan buruh-buruh Cina sehingga terlibat dalam perang yang melibatkan pembesar-pembesar Melayu tempatan.

Bab ketiga akan memperinci aktiviti kongsi gelap dalam bidang ekonomi di Sungai Ujong. Sektor ekonomi menjadi tarikan utama untuk orang Cina berhijrah ke Sungai Ujong. Ramai di antara mereka yang bekerja sebagai pelombong, penjaja dan peniaga. Penglibatan kongsi gelap adalah begitu jelas dalam sektor ekonomi di Sungai Ujong. Mereka menggunakan kawasan perlombongan sebagai pusat untuk mengukuhkan kuasa ekonomi mereka. Kapitan Cina pula menggunakan pengaruh kongsi gelap untuk memonopoli pajakan cendu , perniagaan perjudian dan kegiatan pelacuran di Sungai Ujong.

Bab keempat akan membincangkan aktiviti sosial kongsi gelap di Sungai Ujong dan mengesan bagaimana kongsi gelap menggunakan kuasa dan pengaruh mereka dalam memeras ugut penghijrah Cina sebelum dan selepas mereka berada di Tanah Melayu dan penglibatan kongsi gelap dalam persatuan atau *hui guan*. Objektif penubuhan persatuan berkenaan adalah untuk memberi perlindungan, mengembangkan kebudayaan Cina, menyediakan tempat hiburan atau rekreasi kepada penghijrah Cina .

Bab kelima menumpukan perhatian kepada pengharaman kongsi gelap Cina di Tanah Melayu, khasnya di Sungai Ujong pada akhir abad ke-19M. Ramai ahli-ahli kongsi gelap terlibat dalam kes-kes jenayah dan ini menyebabkan peranan positif yang pernah dimainkan oleh kongsi gelap Cina pada tahap awal tidak dihargai. Pihak kerajaan kolonial juga melaksanakan beberapa dasar pengawalan terhadap kongsi gelap Cina

kerana kegiatan mereka mengancam keamanan negeri dan menggugat keselamatan penduduk tempatan.

Masalah Kajian

Dalam usaha untuk menyempurnakan latihan ilmiah ini, penulis telah menghadapi masalah menukarkan nama dan perkataan Cina dalam bentuk huruf roman. Sarjana tempatan dan barat telah menggunakan pelbagai jenis ejaan dalam menterjemahkan perkataan Cina. Untuk menyelesaikan masalah ini, penulis telah menggunakan sebutan Mandarin untuk mengurangkan kekeliruan. Kesulitan ini tidak membebankan penulis sebaliknya menguatkan semangat penulis untuk memanfaatkan sepenuhnya sumber bertulis yang sedia ada dengan sebaik mungkin.

¹ Wilfred Blythe adalah ahli akademik yang banyak mengkaji tentang aktiviti kongsi gelap Cina di Tanah Melayu. Buku beliau yang bertajuk *The Impact of Chinese Secret Societies* adalah rujukan utama penulis dalam penyediakan latihan ilmiah ini.

² L.F.Comber juga merupakan penulis barat yang banyak mengkaji tentang kongsi gelap Cina. Antara buku beliau yang terkenal ialah *The Chinese Secret Societies In Malaya*.